

**KEPERCAYAAN MASYARAKAT HINDU TERHADAP KESUCIAN LEMBU:
SATU KAJIAN TERHADAP MAHASISWA UNIVERSITI
HINDU'S BELIEF ON THE VENERATION OF COW: A STUDY ON
UNIVERSITY STUDENTS**

Nazneen binti Ismail^{1*}, Nurhanisah Senin², Nurzatil Ismah Azizan³

¹ Pensyarah Jabatan Dakwah dan Usuluddin, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, nazneen@kuis.edu.my

² Pensyarah Jabatan Dakwah dan Usuluddin, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, nurhanisah@kuis.edu.my

³ Pensyarah Jabatan al-Quran dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, nurzatil@kuis.edu.my

* Penulis Penghubung

Artikel diterima: 16 Nov 2020

| Selepas Pembetulan: 12 Jan 2021

| Diterima untuk terbit: 30 Jan 2021

Abstrak

Penyucian lembu merupakan salah satu doktrin dalam ajaran Hindu. Ia menyentuh larangan membunuh dan memakan daging lembu berikutan haiwan ini mempunyai kedudukan istimewa menyamai dewa-dewa Hindu yang lain. Justeru, kajian ini bertujuan mengenal pasti kepercayaan masyarakat Hindu dari perspektif mahasiswa universiti di Selangor. Kajian dilakukan secara kualitatif menggunakan pendekatan temubual separa berstruktur. Seramai 10 orang mahasiswa terlibat sebagai informan kajian. Data temubual telah dianalisis menggunakan pendekatan tematik. Hasil menunjukkan informan berpegang teguh kepada kepercayaan agama Hindu tentang penyucian lembu dan kedudukannya yang setaraf dengan dewa-dewa Hindu. Selain itu, larangan memakan daging lembu mempunyai kaitan dengan peranan haiwan ini dalam sektor pertanian padi di samping membekalkan susu sebagai sumber minuman. Namun begitu, terdapat segelintir penganut Hindu yang tidak mematuhi larangan ini kerana terkesan dengan faktor sekeliling dan beranggapan fahaman ini kolot. Ia juga berkait dengan bentuk larangan ini yang tidak dilihat sebagai satu bentuk ketetapan langsung agama tetapi ia sebagai tanda penghormatan kepada kedudukan lembu itu semata-mata.

Kata kunci

Penyucian lembu, kepercayaan Hindu, tradisi penganut hindu, perbandingan agama, dewa Hindu

Abstract

Cow veneration is considered as part of Hindu doctrines. It imposes on the prohibition of killing and eating cow meat due to its special position as equal to other gods in Hindu. Thus, this study aims to identify the Hindus belief from the perspective of university students in Selangor. This study is done qualitatively employing semi-structured interview. A total of 10 students selected as informants and is analysed using thematic approach. The result shows that the informants strongly hold the belief on the veneration of cow and its equivalent position to the gods of Hindus. Besides, the prohibition of consuming beef has to do with its role in the agriculture sector while supplying milk as source of drinking. Nevertheless, there are some Hindus who do not observe this prohibition due to external factors and assume this belief as obsolete. It is also believed not to be originated from religious dogma but as as respect towards the cow position perse.

Keywords

Cow veneration, Hindu doctrines, Hindus tradition, comparative religion, Hindu deity

1. Pendahuluan

Agama Hindu adalah ajaran yang bersumberkan kitab suci Veda yang mengajar kepada pengikutnya dan seluruh umat manusia untuk menghargai dan menghormati semua manusia yang mengakui adanya kebesaran Tuhan. Antara ajaran utama dalam agama Hindu adalah penyucian lembu di kalangan umatnya. Lembu dianggap sebagai haiwan yang suci, maka menyembelih dan memakannya adalah suatu tindakan yang tidak dapat diterima (Sanderson 2011). Ini berkait dengan kepercayaan Hindu bahawa lembu dianggap sebagai tempat bersemayam bagi para dewa-dewi. Lembu merupakan haiwan pilihan para dewa-dewi kerana lembu merupakan haiwan yang memberikan kehidupan pada alam semesta. Para pengikut Hindu menghargai, menghormati dan melindungi lembu sebagai jalan bakti kepada Tuhan. Dengan jalan bakti tersebut maka mereka akan mendapatkan kesempurnaan dalam hidup mereka. Kajian ini bertujuan untuk menjelaskan kepercayaan masyarakat Hindu berhubung kesucian lembu dari perspektif mahasiswa universiti.

2. Sejarah penyucian lembu oleh masyarakat Hindu

Permulaan amalan penyucian lembu oleh masyarakat Hindu dapat dikaitkan dengan aspek ekonomi dan pertanian masyarakat India. Pada zaman pra-Hindu di India atau dikenali sebagai zaman Veda kuno, lembu disembelih dan dimakan. Ia merupakan salah satu makanan terpenting yang ditawarkan kepada para dewa dan dimakan oleh peserta-peserta dalam upacara agama Hindu (Achaya 2002). Pada zaman Hindu klasik, lembu tidak dianggap sebagai haiwan yang istimewa mahupun suci seperti yang difahami dalam konteks hari ini (Jha 2002). Seiring dengan peredaran masa, golongan Brahmin menjadi kasta yang bertanggungjawab terhadap perlindungan binatang ternak daripada sebarang penyembelihan. Lembu menduduki kedudukan penting dalam ekonomi pertanian India. Dengan pengukuhan pertanian dan kepadatan penduduk India yang semakin meningkat, kekurangan bilangan lembu menjadi faktor penghalang utama terhadap pembangunan ekonomi dan mengancam ketersediaan haiwan bajak kepada para petani (Margo DeMello 2012). Lembu dianggap sebagai penggerak ekonomi di India disebabkan fungsinya yang pelbagai seperti sebagai alatan bajak, produk tenusu, lemak, dan sebagainya.

Menurut Marvin (1987), lembu adalah haiwan suci dan tidak boleh disembelih bagi masyarakat Hindu. Lembu adalah sumber penting dalam menghasilkan susu dan produk tenusu yang lain dalam masyarakat Hindu. Ia digunakan untuk menarik pembajak dalam pertanian, susu lembu untuk diminum, kotoran lembu boleh dijadikan baja dan bahan api memasak serta menjadi sumber tenaga yang penting, dan tanduknya digunakan dalam industri kulit. Lembu juga dijadikan sebagai binatang utama dalam masyarakat Hindu kerana memberikan banyak manfaat di samping pengeluaran kos penjagaan dan perbelanjaan yang minimum. Lembu tidak perlu disediakan makanan yang susah oleh sebab lembu hanya memakan rumput, tidak memerlukan masa dan tenaga yang banyak untuk menjaganya, dan lembu tidak perlu disediakan tempat tinggal seperti manusia.

Kebanyakan penganut Hindu yang bersungguh-sungguh mendalami ajaran agama Hindu akan berpantang daripada memakan daging lembu atau apa-apa yang berkaitan dengan lembu malahan banyak pula di antara mereka yang menempuh hidup sebagai

vegetarian. Mereka yang tidak memakan daging lembu bukanlah kerana mereka menganggap lembu itu haram ataupun jijik bahkan mereka meninggalkan perkara tersebut sebagai tanda menghormati lembu. Dalam kenyataan di tengah-tengah masyarakat, ada dua alasan utama kenapa masyarakat Hindu berpantang makan daging lembu, iaitu (Ketut, 1993):

- i. Kerana lembu atau lembu itu diagungkan oleh Kitab suci Hindu, ia diangkat sebagai binatang suci dan lambang alam semesta, istana bagi Tuhan yang Maha Esa.
- ii. Amalan ajaran Ahimsa. Ahimsa bermaksud tidak membunuh dan tidak boleh melakukan kekerasan.

Menurut mitologi dan falsafah masyarakat Hindu, lembu merupakan kenderaan Dewa Siva. Lembu dikenali sebagai Nandini yang setia kepada Dewa Siva. Dalam setiap perjalanan Dewa Siva, Nandini selalu setia menghantarkannya. Dalam suatu cerita, Nandini rela meninggalkan keluarganya demi menghantar Dewa Siva (Sri Radha 1998). Maka lembu dianggap sebagai binatang yang terhormat kerana mampu menyerahkan dirinya untuk melayani dewa. Ini menunjukkan penghormatan kepada lembu berasaskan kepada rasa hormat dan kagum mereka terhadap haiwan ini (Korom 2000). Selain itu, Krishna yang merupakan salah satu bentuk jelmaan tuhan juga cenderung kepada lembu. Dewa Krishna sangat menyukai lembu sehinggakan dia ingin menjadi pengembala lembu. Krishna digelar sebagai Gopala yang bermaksud pelindung lembu. Gopala merupakan suatu lambang hubungan antara alam semesta beserta dengan segala isinya dengan Tuhan (Made Darmayasa 2009)

Lembu dikatakan tempat tinggal semua Tuhan. Setiap atom di dalam tubuh lembu adalah tempat tinggal 33 esensi tuhan antaranya Brahma dan Vishnu pada akar dua tanduk. Parvathi di pinggir kepala, Shankara di kepala pusat, Kartikeya di hidung, Kambala dan Ashwatara Devas di hidung, Ashwini Kumaras di telinga, Indra di leher, Dharma di paha, Moksha di kaki, dan selainnya. Selain itu juga, kesemua 14 dunia dongeng wujud di kaki lembu (Bhaktivedanta Swami Prabhupada 2014).

Berdasarkan tradisi dan mitologi masyarakat Hindu, penghormatan terhadap lembu sehingga sekarang masih diamalkan oleh masyarakat Hindu. Lembu disebut sebagai *Kamadhenu* atau *Surabi* yang bermaksud ibu pertama dari semua ternakan. Lembu merupakan ibu dari semua makhluk yang memberikan kehidupan kepada alam semesta ini. Di negara India sendiri, penghormatan terhadap lembu dilihat dari segi masyarakat Hindu berpantang dari memakan daging lembu dan lebih memilih hidup sebagai *vegetarian*. Selain itu, sebagai salah satu cara menzahirkan rasa syukur mereka, masyarakat Hindu meletakkan patung-patung lembu di kuil-kuil tempat mereka melakukan sembahyang. Dengan begitu, rasa hormat kepada lembu akan selalu diingati oleh masyarakat Hindu.

Secara umumnya, kepercayaan Hindu terhadap lembu adalah satu bentuk kepercayaan panteisme di mana kedudukan tuhan dapat dimanifestasi menerusi penyatuannya dengan alam. Menjadi dasar utama dalam kalangan masyarakat Hindu untuk mempercayai bahawa lembu merupakan haiwan yang baik dan suci dan di dalamnya terkandung elemen-elemen alam yang suci. Lembu tidak dianggap sebagai haiwan yang mewakili sesuatu namun ianya berhubung dengan alam dewa secara mistik, dengan

kata lain disebut sebagai *allegorical association* (hubungan secara kiasan) (Korom 2000).

Gerakan memelihara lembu dapat dilihat berkembang dengan pesatnya pada abad ke-5SM. Sebahagian pengkaji mendapati penyucian lembu berlaku bermula daripada kemunculan ajaran Jainisme yang menegakkan doktrin ahimsa pada abad ke-5SM. Kepercayaan tersebut tersebar dalam kalangan golongan Brahman (Basham 1959). Buktinya, Bhagavad Gita (500-400SM) menyebutkan perkataan ahimsa sebanyak empat kali namun ianya tidak dianggap sebagai satu doktrin. Dalam teks lain iaitu Manusmrti (200SM-300SM) jelas melarang golongan Brahman memakan daging lembu namun larangan ini tidak terpakai bagi kasta lain (Korom 2000).

Amalan vegeterianisme bermula hanya sekitar selepas daripada abad ke-4SM apabila kefahaman ahimsa mula tersebar dalam kalangan Jain, Hindu dan Buddha. Namun begitu masyarakat Hindu masih tetap memakan daging lembu. Dalam Rig Veda iaitu teks tertua dalam Hindu yang dipercayai telah wujud sekitar tahun 1500SM menyatakan amalan memakan daging lembu adalah kebiasaan dalam kalangan Hindu. Lazimnya mereka akan memakan daging lembu jantan yang telah dikasi. Manakala daging lembu betina hanya dimakan ketika terdapat upacara keagamaan dan apabila menyambut tetamu terhormat. Dalam teks lain iaitu Brahmanas (900SM) dan teks-teks lain yang mengajarkan berkenaan dharma daripada pada abad ke-3SM, lembu harus untuk dibunuh dan dimakan ketika tetamu datang. Dalam teks-teks tersebut bahkan menyebutkan lembu sebagai makanan. Ironinya, apabila terdapat satu bahagian dalam Shatapatha Brahmana (3.1.2.21) yang melarang memakan daging lembu atau kerbau, seorang pendeta Hindu Yajnavalkya dengan pantas menyebutkan selepas ayat larangan tersebut bahawa beliau memakan daging lembu dan kerbau selagi dagingnya lembut. Hal ini jelas menunjukkan larangan memakan lembu tidak diamalkan secara menyeluruh oleh penganut yang beragama Hindu (Doniger 2017).

Transisi kepada tidak memakan daging lembu dapat dikesan dalam penulisan Mahabharata yang ditulis sekitar tahun 300SM sehingga 300M yang memberi gambaran tentang transisi daripada pemburuan lembu kepada memelihara lembu untuk mendapatkan manfaat daripadanya. Ini merubah paradigma penganut Hindu terhadap lembu serta mengubah sistem sosioekonomi masyarakat Hindu. Secara tidak langsung, sedikit demi sedikit kepercayaan terhadap kesucian lembu berkembang dalam kefahaman agama masyarakat Hindu (Doniger 2017).

Pada abad ke-19M, gerakan perlindungan kepada lembu semakin berkembang luas. Gerakan ini memberikan impak yang besar kepada penganut Muslim secara khusus dan sesiapa yang memakan daging lembu secara umum. Mahatma Gandhi berusaha untuk menjadikan vegeterianisme sebagai doktrin utama dalam Hindu hasil daripada perjuangannya menentang keganasan dan kezaliman. Beliau menggunakan imej lembu alam seperti yang dinukilkan dalam mitos Mahabharata sebagai simbol bangga India ketika itu (Doniger 2017). Beliau juga orang yang bertanggungjawab menyebabkan pengagungan terhadap lembu menjadi intipati keyakinan penganut Hindu. Pengagungan yang diberikan kepada haiwan ini jelas dalam kenyataan beliau (R. K. Prabhu & U. R. Rao, 1960) :

"I worship it and I shall defend its worship against the whole world."

Kesimpulannya, sejarah penyucian lembu dapat dilihat dalam tiga fasa utama. Fasa pertama menunjukkan lembu pada asalnya dimakan disembelih seperti haiwan lain. Bahkan ianya dianggap sebagai hidangan istimewa yang dijamu kepada tetami yang mempunyai kasta yang tinggi. Fasa kedua, larangan menyembelih lembu mula tersebar apabila agama Hindu terkesan dengan agama Jaina yang membawa konsep Ahimsa. Fasa ketiga pula menggambarkan lembu ini disucikan dan dianggap sama taraf dengan dewa sehingga ianya disembah dan dimuliakan.

3. Kaedah kajian

Kajian ini berbentuk kualitatif dengan menggunakan rekabentuk etnografi. Pemilihan rekabentuk ini dibuat bagi mengkaji satu kelompok budaya atau masyarakat dalam situasi sebenar. Ia merupakan metodologi deskriptif tentang budaya dan manusia. Kajian bentuk ini memperolehi maklumat melalui temubual sama ada secara formal atau tidak formal. Ianya adalah bentuk kajian interpretasi data sosiobudaya (Othman 2017). Rekabentuk ini digunakan bagi mendalami kepercayaan masyarakat Hindu di Malaysia terhadap kesucian lembu.

Bagi mencapai objektif kajian, pengkaji menggunakan kaedah temubual separa berstruktur. Item soalan temubual telah disahkan oleh pakar bidang iaitu anggota majlis salah sebuah Kuil Hindu yang bertempat di Kuala Lumpur. Soalan ini kemudiannya diajukan kepada sepuluh informan daripada tiga buah universiti di Selangor. Jadual 1 menunjukkan profil informan.

Jadual 1 Profil informan kajian

Informan	Jantina	Pendedahan kepada ajaran hindu	Asal	Institusi
R1	Lelaki	Keluarga, kuil, sekolah	Langkawi	U1
R2	Perempuan	Keluarga, kuil, sekolah	Ipoh	
R3	Perempuan	Keluarga, kuil, sekolah	Parit Buntar	
R4	Perempuan	Keluarga, kuil, sekolah	Teluk Intan	
R5	Lelaki	Keluarga, kelas agama, bacaan tambahan	Penang	U2
R6	Perempuan	Keluarga, kelas agama	Shah Alam	
R7	Lelaki	Keluarga	K.L	
R8	Lelaki	Keluarga, kelas agama	Klang	
R9	Perempuan	Keluarga	Johor	U3
R10	Perempuan	Keluarga, kelas agama	Seri Kembangan	

Antara kaedah untuk menjadikan data kualitatif mempunyai kepercayaan yang tinggi adalah dengan melaksanakan triangulasi antara data. Nota lapangan seperti temu janji, temu bual rasmi dan tidak rasmi, pemerhatian dan pengumpulan dokumen juga adalah satu bentuk kebolehppercayaan yang tinggi. Kesahan dan kebolehppercayaan data kualitatif juga adalah melalui tandatangan terhadap data yang dikutip. Persetujuan, pembetulan fakta, pengakuan dan pengesahan responden terhadap data menjadikan kesahan dan kebolehppercayaan terhadap data ditingkatkan (Kamarul Azmi 2012). Semua aspek tersebut dilakukan dalam kajian ini bagi kesahan dan kebolehppercayaan

dalam kajian ini. Data temubual telah ditranskrip secara verbatim sebelum dibaca dan dianalisis secara tematik. Tema berkaitan kepercayaan mahasiswa berkaitan lembu telah dikenalpasti secara manual oleh para pengkaji.

4. Dapatan kajian

Hasil temubual mendapati perbincangan berkenaan dengan kedudukan lembu boleh dibahagikan kepada tiga tema utama iaitu i) hubungan antara lembu suci dengan dewa Hindu, ii) larangan membunuh lembu, dan iii) larangan memakan daging lembu.

4.1 Hubungan antara lembu suci dengan dewa Hindu

Menurut kepercayaan Hindu, lembu dianggap sebagai haiwan yang menempatkan 33 dewa Hindu di antaranya adalah Shiva, Brahma, Vishnu, Ganesh, Lakshmi dan sebagainya. Kepercayaan ini disebut dengan Gomatha atau *kamadhenu* yang membawa maksud ibu lembu. Pada lembu juga terdapat jalan untuk mendapatkan syurga. Dengan memberikan khidmat dan menyembah mereka akan membawa seseorang kepada jalan kebaikan dan menghapuskan dosa. Kedudukan lembu dianggap suci sama seperti dewa-dewa Hindu. Perkara ini dapat dilihat selari dengan kenyataan-kenyataan informan berikut:

"Kami percaya bahawa semua tuhan tinggal dalam badan lembu" (R8/15.32)

"Gomatha itu kita lihat bahawa lembu itu suci." (R1/0.58)

Dalam kepercayaan masyarakat Hindu tentang tuhan, mereka percaya lembu adalah manifestasi ketuhanan namun ianya bukanlah tuhan. Hal ini dibuktikan menurut kenyataan R5 dan R3. Lembu mempunyai kedudukan sama seperti dewa mereka tetapi bukanlah dianggap sebagai dewa. Kenyataan ini disokong oleh R2 apabila informan mengatakan bahawa lembu dianggap tuhan kerana memberi manusia makan dan sumber-sumber kehidupan yang lainnya.

"dia bukan god tapi dia ada sama taraf lah." (R5/09.52)

"Gomatha itu refleksi dari tuhan itu sendiri." (R3/06.53)

"Bukan tuhan tetapi sebab dia (lembu) memberikan kita makanan, maka kita anggap dia sebagai tuhan." (R2/07.06)

Oleh kerana lembu menjadi tempat tinggal tuhan maka ianya disembah sama seperti mereka menyembah tuhan. R5, R6 dan R7 kesemuanya mengakui bahawa pemujaan terhadap lembu berlaku dan mereka menganggap lembu merupakan dewa dan juga sama taraf seperti tuhan. Perkara ini ditekankan oleh kenyataan informan berikut:

"so, actually, diaorang sembah lembu tu sebagai macam tuhan lah." (R6/09.22)

"...they pray her as a god." (R5/09.30)

"The cow is the dewa right? so it is the god. So we also pray to the cow like a god." (R7/15.17)

Hasil daripada temubual bersama informan juga menunjukkan selain daripada kaitan lembu dengan dewa-dewa Hindu, penganut Hindu juga mempercayai lembu merupakan ibu alam yang memberikan sumber makanan dan minuman kepada manusia. R3 dan R1 menjelaskan bagaimana lembu dianggap sangat penting dalam kehidupan seharian kerana merupakan sumber makanan manusia. Perkara ini disebutkan dengan jelas oleh majoriti informan.

"Sebab dia memberikan kita sumber untuk dapatkan makanan. Kita hormatinya la." (R3/07.09)

"mereka gunakan lembu sebab tu lah ada konsep Gomatha. Sebab tu kita sembah Gomatha." (R1/07.16)

"Gomatha. Basically we pray the cow as our mother because she's giving milk. So, we imagine her as a mother for us." (R5/09.02)

"sebab masa dulu-dulu kan, mereka guna lembu sebagai sumber utama untuk milk, semua tu kan." (R6/09.14)

Lembu juga dianggap sebagai haiwan yang banyak membantu sosio-ekonomi zaman Hindu kuno di mana lembu digunakan sebagai haiwan yang membuat kerja-kerja pembajakan. Lembu dianggap sebagai pemangkin kepada ekonomi masyarakat Hindu. Hal ini ditegaskan oleh R5 dan R6 yang menyebut bagaimana lembu digunakan oleh masyarakat Hindu dalam kehidupan seharian mereka.

"lagi-lagi lembu juga digunakan untuk sawah padi semua tu kan. Untuk buat baja, lepas tu nak korek semua lubang tu kan. So, diaorang macam sembah lah lembu tu." (R6/09.31)

"Sebab dekat India, diaorang punya main source tu nasi kan? So, nak kena hasilkan benda tu, diaorang guna, dulu kan tak ada traktor apa benda tu. So, diaorang guna kerbau dengan lembu je untuk padi tu." (R5/25.42)

Ringkasnya, masyarakat Hindu secara umumnya mempercayai lembu merupakan haiwan suci kerana hubungannya dengan dewa-dewa Hindu di mana lembu dianggap sebagai tempat bersemayamnya 33 dewa mereka sehingga lembu diangkat sama suci dengan dewa. Kepercayaan ini jelas lahir daripada kebergantungan masyarakat Hindu terhadap lembu apabila lembu digunakan sebagai haiwan yang membajak dan banyak memberi manfaat kepada manusia.

4.2 Larangan membunuh lembu

Gerakan melindungi lembu berkembang pesat apabila agama Jainisme mula dianuti. Jainisme berpegang kuat dengan ajaran Ahimsa yang melarang sebarang bentuk pembunuhan ke atas haiwan. Menurut ajaran Hindu, lembu adalah suci dan tidak boleh dibunuh. Ini adalah kerana lembu dianggap setaraf dengan dewa. Oleh itu tidak logik untuk membunuh tuhan mereka sendiri. Hal ini ditegaskan oleh R5 dan R6 seperti kenyataan mereka dalam petikan berikut.

"lembu juga considered as something sacred, yang you cannot eat you cannot kill." (R5/11.16)

"bunuh memang tak boleh." (R5, R6/14.56)

4.3 Larangan memakan lembu

Hasil daripada temubual juga mendapati lembu tidak boleh dimakan oleh penganut agama Hindu disebabkan lembu dianggap sebagai suci dan menjadi tempat bersemayamnya dewa-dewa Hindu. R1, R3 dan R6 menyebutkan kesucian lembu tersebut menyebabkan larangan memakan daging lembu dalam ajaran Hindu. Oleh itu, lembu tidak boleh dibunuh apatah lagi dimakan.

"Tak disebut tak boleh dimakan tetapi disebabkan lembu haiwan yang suci jadi mana boleh ianya dimakan." (R1/10.52)

"hindus normally they won't eat beef because they actually think cow is a holy thing." (R6/01.32)

"Ia haiwan suci, jadi kita tak boleh makan dia." (R3/11.06)

"Should not eat beef." (R6/01.28)

Selain itu, menurut R9 larangan terhadap memakan daging lembu tidak disebutkan secara langsung di dalam kitab-kitab utama seperti Veda, Upanishad dan Bhagavad Gita. Namun menurut R2 dan R6, dalam kitab-kitab utama mereka menyebutkan tentang kesucian lembu tersebut yang menjadi faktor utama lembu tidak dimakan oleh masyarakat Hindu secara amnya.

"Tidak ada ayat spesifik mengenai larangan memakannya tetapi cuma menyatakan lembu itu adalah tuan. Ibu, penghormatan, dan sebagainya." (R9/20.27)

"Tetapi dalam kitab kita semua ada menyebutkan lembu haiwan yang suci sebab itu kami hormati. Berkenaan tentang lembu tak boleh dimakan itu, kami tidak berapa tahu akan teks-teks yang ada dan mungkin ada teks yang sebut hal itu. Kami tidak pasti. Mungkin ada, mungkin tak ada. Hal ini boleh diketahui melalui orang yang lebih mengkaji perkara ini. Tapi, pasal haiwan yang suci memang ada dalam kitab." (R2/11.10)

"but mainly, kitaorang tak makan sebab kita thank dia, respect dia" (R6/13.02)

Hasil daripada temubual dengan informan mendapati, antara faktor lain lembu tidak dimakan oleh penganut Hindu adalah disebabkan oleh tradisi keluarga dan adat masyarakat Hindu yang menghormati lembu serta menghargai haiwan tersebut sehingga melarang diri mereka daripada menjamah makanan yang mempunyai daging lembu. Menurut R6, beliau tidak memakan daging lembu kerana ianya telah menjadi adat orang-orang dahulu. R7 pula mengatakan beliau akan berhati-hati dalam memilih jenis makanan yang akan dibeli bagi memastikan tiada daging lembu yang terkandung dalam makanan mereka.

"so, it's just the way diaorang respect lembu tu. So, belief tu dah dibawa berabad-abad. So, just follow je lah." (R6/25.54)

"Tidak makan langsung. Kami akan tengok bahan makanan dan jika ia mengandungi daging lembu, kami tidak akan makannya." (R7/18.06)

R1 dan R4 berpendapat terdapat juga sebahagian masyarakat Hindu yang memakan daging lembu kerana kejahilan mereka tentang agama. Realitinya, makanan kebanyakan masyarakat Hindu hanya berasaskan sayur-sayuran serta daging ayam ataupun kambing.

"Kebanyakannya tidak memakan lembu, kerana amat sedikit yang memakannya. Bagi yang memakan lembu itu, mereka itu tidak tahu keistimewaan agama mereka atau mungkin mereka tidak berpengetahuan. Kebanyakan masakan kitaorang berasaskan ayam-ayam." (R1, R4/20.04)

R6 mengatakan daging kerbau juga dianggap sebagai haiwan yang tidak boleh dimakan kerana digunakan juga sebagai haiwan yang membantu manusia dalam membajak sawah padi. Namun berkenaan dengan daging kambing R1 menegaskan ianya boleh dimakan kerana ianya tidak digunakan ketika proses membajak sawah padi.

"Orang India tidak memakan lembu tetapi kami makan kambing kerana lembu itu dilihat sebagai haiwan yang suci" (R1/05.58)

"Tak boleh sebab kerbau digunakan dalam pertanian juga." (R6/25.26)

Namun begitu, terdapat juga sebahagian kecil penganut Hindu yang memakan daging lembu. Menurut R6, beliau hanya mengenali lima orang sahaja daripada kenalan beliau yang memakan daging lembu.

"around five je yang makan. Kalau people I know lah." (R6/12.05)

Antara faktor-faktor yang menyebabkan sebahagian penganut Hindu memakan daging lembu adalah kerana tahap keberagamaan yang rendah, anggapan bahawa lembu adalah suci sebagai kepercayaan kolot dan latarbelakang keluarga serta masyarakat sekeliling yang tidak mengikuti larangan dalam agama Hindu. Seperti yang dijelaskan oleh R5 yang mengatakan faktor seseorang memakan daging lembu adalah rakan sekeliling dan ada juga kerana terpaksa. R5 dan R6 juga berpendapat antara faktor lain adalah sikap seseorang itu sendiri yang tidak mengendahkan tentang tuntutan agama Hindu. Selain itu, R5 dan R6 juga ada menyatakan bagaimana terdapat sebahagian penganut Hindu yang menganggap larangan memakan daging lembu sebagai satu kepercayaan yang kolot dan ketinggalan zaman.

"sometimes, dia ada influence dengan kawan ke. So, dia akan makan." (R5/11.43)

"ada juga sesetengah orang dia tak kisah pun." (R6/11.45)

"Dia depends lah. Kalau, basically tempat tu. Kalau tempat tu diaorang have to eat, tak ada choice lain. So dia akan makan juga lah." (R5/11.32)

"dia not also very religious." (R5/11.49)

"dia macam tak kisah lah. Dia ingat benda tu kolot." (R6/11.50)

"hah macam tu. Dia tak buat lepas tu dia tak care. Lepas tu dia akan makan juga lah." (R5/11.51)

"tapi sekarang semua dah macam, diaorang like getting more into technology kan? Dah benda-benda lama. So, diaorang macam just makan je la." (R5/26.32)

Subjektiviti dalam kepercayaan Hindu dapat dikesan apabila R5 dan R6 menganggap perihai memakan daging lembu merupakan suatu yang bersifat peribadi. Hal ini adalah kerana tiada satu larangan khusus daripada kitab mereka yang melarang memakan daging lembu namun ia dianggap sebagai satu tradisi yang diwarisi berabad-abad selain daripada kepercayaan mereka yang menganggap lembu sebagai tempat bersemayamnya dewa-dewa.

"tu diaorang punya preferences. Kita tak boleh buat apa-apa. Sebab kita tak boleh hukum macam ia salah ke apa. It's just that kalau dulu diaorang tak makan sebab respect. So, kalau you nak makan tu makan lah. Preference you." (R/626.58)

"Majoriti memang tidak makan. Ia terpulang atas individu masing-masing. Jika mereka nak makan, mereka kan makan, dan sebaliknya." (R8/18.26)

"kalau kita cakap pun, diaorang akan argue balik lah. Kenapa tak boleh makan? Itu pun satu makanan juga." (R5/26.50)

Tuntasnya, lembu mempunyai satu kedudukan yang istimewa dalam kepercayaan masyarakat Hindu. Lembu dianggap sebagai setaraf dengan dewa sehingga menyebabkan ianya tidak boleh disembelih dan dimakan dagingnya kerana dagingnya yang dianggap suci serta kedudukannya sebagai ibu alam yang telah memberikan pelbagai manfaat kepada manusia sehingga ia perlu dihormati dan disanjung.

5. Perbincangan

Asas kepada kepercayaan masyarakat hindu terhadap lembu berkait dengan sejarah masyarakat Hindu kuno. Pada awalnya, masyarakat hindu tidak menganggap lembu sebagai haiwan suci dan tidak boleh dimakan. Ia merupakan haiwan yang digunakan dalam pertanian dan dimanfaatkan dari segi produk tenusunya. Larangan memakan daging lembu berpunca daripada dua faktor iaitu (i) ajaran ahimsa yang melarang membunuh benda hidup dan (ii) kebergantungan masyarakat kepada lembu sebagai sumber makanan dan minuman. Tambahan pula, memang terdapat sekumpulan daripada mereka yang menahan diri daripada memakan daging lembu dan ada juga yang mengamalkan vegetarian dalam kehidupan. Kepercayaan tentang kesucian lembu ini berlaku secara beransur-ansur antara 300SM hingga 300M kesan daripada fahaman Jainisme yang pada awalnya mempengaruhi kasta Brahmin dan kemudiannya diterima oleh kasta-kasta lain. Ungkapan tentang lembu juga terdapat dalam teks falsafah Hindu yang menggambarkan ia merupakan tunggangan kepada Dewa Siva dan menjadi tempat bersemayam dewa-dewa hindu lainnya. Penghormatan terhadap lembu ini mudah diterima oleh masyarakat hindu kerana mereka mempunyai fahaman panteisme iaitu mempercayai bahawa tuhan boleh dimanifestasi dalam rupa makhluk.

Kesan daripada kepercayaan ini, masyarakat hindu sehingga ke hari ini tetap mengekalkan rasa hormat kepada lembu. Meskipun tidak kesemua masyarakat hindu

melakukan aktiviti pertanian, tetapi mereka masih lagi mengekalkan kepercayaan dan tradisi menghormati lembu dari satu generasi ke generasi. Oleh kerana larangan ini bukan merupakan satu perkara yang dinyatakan secara jelas dalam teks agama, maka memakan daging lembu tidak dianggap sebagai satu kesalahan di sisi agama hindu. Umumnya, soal tidak memakan daging lembu ini tertakluk kepada sejauh mana diri seseorang ingin menjadi penganut hindu yang baik.

5. Kesimpulan

Kajian mendapati majoriti responden benar-benar mempercayai akan kesucian lembu sebagai haiwan yang mempunyai kedudukan istimewa dalam ajaran Hindu. Ini adalah disebabkan mereka menganggap lembu banyak berjasa dan memberi manfaat kepada mereka sehingga lembu akhirnya timbullah doktrin menghalang membunuh dan memakan daging lembu. Selain itu, ianya juga dikaitkan dengan kepercayaan bahawa terdapat hubungan langsung antara lembu dengan dewa-dewa Hindu. Walaupun begitu, faktor didikan dan tradisi keluarga didapati menjadi sebab utama larangan ini diteruskan. Selain itu, larangan ini juga terpakai ke atas daging kerbau kerana haiwan tersebut turut terlibat dalam kerja-kerja penanaman padi. Justeru, bukan satu kesalahan besar dalam agama Hindu apabila terdapat segelintir penganutnya yang memakan daging lembu. Ia berkait dengan faktor seperti lemah pegangan agama dan faktor sekeliling. Sebagai kesimpulan, kepercayaan masyarakat Hindu terhadap lembu adalah setaraf dengan dewa Hindu yang lain kerana haiwan ini merupakan tempat bersemayam dewa-dewa ini. Maka, atas penghormatan ini larangan membunuh dan memakan lembu serta kerbau menjadi pegangan penganut Hindu walaupun ia tidak dinyatakan secara langsung dalam kitab suci mereka.

Penghargaan

Penulisan ini merupakan sebahagian hasil daripada kajian yang mendapat suntikan dana Geran Penyelidikan dan Inovasi KUIS (KUIS/PB/2018/GPIK-INHAD/001)

Rujukan

- Achaya, K.T. (2002). *A Historical Dictionary of Indian Food*. New Delhi: Oxford India Paperbacks.
- Bhaktivedanta Swami Prabhupada. (2014). *Voice of Cows*. India: Sanak Sanatan Das.
- Doniger, Wendy. (2017). Hinduism and its complicated history with cows. *The Conversation*. theconversation.com/Hinduism-and-its-complicated-history-with-cows-and-people-who-eat-them-80586
- Harris Marvin. (1987). *The Sacred Cow and the Abominable Pig: Riddles of Food and Culture*. New York: Simon & Schuster.
- Jha, D. N. (2002). *The Myth of Holy Cow*. New Delhi: Matrix Book.
- Kamarul Azmi Jasmi. (2012). Metodologi pengumpulan data dalam penyelidikan kualitatif. Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri 1 2012, Puteri Resort Melaka pada 28-29 Mac 2012.
- Ketut Wiana. (1993). Pengantar buku oleh Made Dermayasa: *"Keagungan Lembu Menurut Weda"*. Jakarta: Pustaka Manikgeni.
- Korom, F. J. (2000). Holy Cow! The Apoteosis of Zebu, or Why the Cow is Scared in Hinduism. *Asian Folklore Studies*. 59. 181-203
- Made Dermayasa. (2009). *Keagungan Lembu Menurut Weda*. Bali: Manikgenik.
- Margo DeMello, (2012). *Animals and Society: An Introduction to Human-Animal Studies*. Columbia University Press

- Othman Lebar. (2017). *Penyelidikan Kualitatif Pengenalan Kepada Teori dan Metode*. Perak: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- R.K. Prabhu dan U.R.Rao. (1960). *The Mind of Mahatma Gandhi*. Ahemadabad: Jitendra T. Desai Navajivan Mudranalaya.
- Sanderson, S.K. (2011). Lembu yang Suci dan Babi yang Menjijikkan dalam *Makrososiologi* (terj.). Ed. 2. Jakarta: RajaGrafindo Persada
- Sri Radha Govindaji, 1998, *Cerita-cerita Rohani*, Radhastami: Sukadeva dasa,
- R1 (Penganut agama Hindu), dalam temubual dengan penulis, 25 April 2019
- R2 (Penganut agama Hindu), dalam temubual dengan penulis, 25 April 2019.
- R3 (Penganut agama Hindu), dalam temubual dengan penulis, 25 April 2019.
- R4 (Penganut agama Hindu), dalam temubual dengan penulis, 25 April 2019.
- R5 (Penganut agama Hindu), dalam temubual dengan penulis, 8 Mei 2019.
- R6 (Penganut agama Hindu), dalam temubual dengan penulis, 25 Mei 2019.
- R7 (Penganut agama Hindu), dalam temubual dengan penulis, 26 April 2019.
- R8 (Penganut agama Hindu), dalam temubual dengan penulis, 26 April 2019.
- R9 (Penganut agama Hindu), dalam temubual dengan penulis, 26 April 2019.
- R10 (Penganut agama Hindu), dalam temubual dengan penulis, 26 April 2019.